



# UCAPAN BAJET 2012

OLEH

**Y.A.B. DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR**  
**MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN**



**KETIKA MEMBENTANGKAN**  
**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2012**  
**DAN**  
**MEMBAWA USUL KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN 2012**  
**PADA 21 NOVEMBER 2011**

**TEKS UCAPAN  
PEMBENTANGAN BAJET 2012  
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani,

Selawat serta salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad  
Sollallah Hualaihi Wasallam.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Saya mohon izin membawa usul-usul berikut:

**Pertama:**

**Mengusulkan bahawa Rang Undang-undang yang dinamakan  
“Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada  
Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun 2012  
Dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Perkhidmatan Bagi  
Tahun Itu” dibacakan bagi kali kedua.**

Kedua:

Mengusulkan satu ketetapan yang berbunyi:

“Bahawa butir-butir dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Dewan Bilangan 26 Palang 2011, adalah dengan ini diumumkan menjadi tujuan yang mana Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 itu boleh digunakan. Bahawa perbelanjaan sejumlah wang sebanyak tiga ratus dua puluh satu juta ringgit (RM321,000,000) yang ditunjukkan dalam penyata tersebut adalah dengan ini diluluskan bagi tahun 2012. Seterusnya jumlah wang yang ditunjukkan berhadapan dengan tiap-tiap butir dalam penyata itu adalah dengan ini diperuntukkan bagi maksud-maksud yang ditetapkan.”

## PENDAHULUAN

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُّوا مِنْ  
رِزْقِ رَبِّكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ، بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ

*Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba',  
satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang  
terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan*

*kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!.*

*Saba' : 15*

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

1. Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dilafazkan di Dewan Negeri yang mulia ini atas limpah rahmat yang dikurniakan Allah SWT kepada kita, yang telah membolehkan rakyat dan negeri menikmati suasana aman damai serta makmur, tanpa sebarang bencana atau musibah di sepanjang tahun berlalu. Rakyat dan negara, khususnya Negeri Perak tercinta ini terpelihara dari sebarang bencana alam yang ekstrim dan juga terselamat dari sebarang musibah sosio-politik yang mengancam ketenteraman awam. Seperti anjuran ayat yang dibacakan sebentar tadi, mengingatkan kita agar mensyukuri nikmat kemakmuran di bumi bagi mendapat keampunan di langit. Malah peringatan keras diberikan kepada mereka yang tidak mensyukuri nikmat Allah dengan dirampas kemewahan serta kemakmuran dan didatangkan bencana alam yang dahsyat.

2. Atas nikmat Allah itu dan disulami dengan sokongan rakyat yang berterusan, Kerajaan Negeri Perak telah dapat menjayakan amanah agenda bersama demi kesejahteraan rakyat, sejajar dengan matlamat Perak Amanjaya seiring gagasan YAB Perdana Menteri 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Ini ditambah lagi dengan corak dan pendekatan kepimpinan YAB Perdana Menteri sejak menerajui pentadbiran, telah berjaya mewujudkan persekitaran yang kondusif kepada negara dan rakyat.

3. Menghayati semangat pembentangan Bajet 2012 Negara oleh YAB Perdana Menteri, bagi pihak seluruh rakyat Negeri Perak, kita ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih atas nikmat yang dicurahkan melalui bajet berkenaan.

4. Menjiwai roh bajet tersebut, matlamat Perak Amanjaya dan gagasan ulung 1Malaysia, bersendikan kekuatan yang sedia ada disamping membina kekuatan-kekuatan baru, maka terhasillah Bajet Negeri Perak bagi tahun 2012, yang punya **sentuhan dan nuansa rakyat**, yang berusaha mencipta khairat (kebaikan rakyat), yang menjurus kepada natijah pembangunan negeri dan rakyat.

5. Segala usaha yang telah digalas dan digarap oleh kerajaan Barisan Nasional adalah semata-mata untuk mensejahterakan rakyat dan kemakmuran negeri. Berkat kesungguhan, ketabahan, iltizam dan ketulusan, Negeri Perak dan sekalian rakyatnya kini, berada di atas

landasan yang teguh dan kukuh untuk terus maju, sekalipun berhadapan dengan karenah, sandiwara dan drama golongan yang tidak senang terhadap kemaraan kerajaan Barisan Nasional memperkasakan rakyat dan memacu negeri ke tahap yang disenangi oleh segenap warga.

6. Justeru, atas landasan ini, saya teruskan pembentangan Bajet dengan melakarkan sepintas lalu senario ekonomi global, negara dan negeri.

## **SENARIO EKONOMI**

7. Tahun 2010 menyaksikan pemulihan ekonomi di peringkat global dan ia mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara. Seiring dengan pemulihan itu, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Perak berada kira-kira **enam peratus**.

8. Pertumbuhan positif pada tahun 2010 itu telah mendorong keyakinan para pelabur. Bagi Negeri Perak, setakat Ogos 2011, pelaburan dalam sektor pembuatan yang diluluskan oleh pihak MIDA (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia) dan Kerajaan Negeri bernilai **1.74 bilion ringgit**. Apabila projek-projek tersebut

dilaksanakan kelak, kira-kira **3,672** peluang pekerjaan akan diwujudkan. Selain dari itu, pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan satu pelaburan asing bernilai **20 bilion YEN**, iaitu **810 juta ringgit** (kadar pertukaran **24.7 YEN** bersamaan **satu ringgit**). Pelaburan tersebut adalah bagi projek pembuatan tayar.

9. Pada masa kini, rundingan rancak dijalankan dengan **33** bakal pelabur tempatan dan asing yang menunjukkan minat untuk melabur di Negeri Perak. Ini mencerminkan sesuatu yang positif dari hasil usaha gigih oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan pelaburan dan juga mewujudkan persekitaran yang kondusif serta mesra pelabur di negeri ini.

10. Jika suasana aman, damai serta kondusif pelabur dapat dikekalkan di negeri ini, tanpa sebarang anasir yang merimaskan dan kaunter-produktif, Perak boleh mengharapkan peningkatan yang ketara di bidang pelaburan dalam tahun-tahun mendatang, Insya Allah.

11. Bersabit dengan pelaksanaan pusat pengedaran bijih besi dan pembuatan pelet besi (*dengan izin "iron ore distribution centre and palletizing plant"*) di Lumut oleh Syarikat Vale dari Brazil, yang melibatkan pelaburan berjumlah **4.1 bilion dollar Amerika** atau **12.9 bilion ringgit** (kadar pertukaran **1 dollar Amerika** bersamaan **3.15 ringgit**), syarikat tersebut telah memulakan fasa pertama dengan nilai **1.4 bilion dollar Amerika** atau **4.41 bilion ringgit**.

12. Menyadari kederasan arus inovasi sektor perindustrian menjadi kluster-kluster industri yang berorientasikan nilai tinggi, kerajaan negeri sedang giat menjenamakan estet-estet perindustrian, termasuk menyegerakan pembangunan Perak Hi-Tech Industrial Park. Ini akan menjadikan Negeri Perak lebih menarik buat para pelabur dan mampu menampung kepesatan pertumbuhan sektor perindustrian di masa-masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

### **PROSPEK TAHUN 2011**

13. Prospek di peringkat negara dan juga negeri bagi tahun 2011 banyak bergantung kepada senario ekonomi di peringkat global. Berdasarkan pertumbuhan pada kadar sederhana di peringkat global, KDNK diunjurkan untuk tumbuh pada kadar **lima hingga enam peratus**, yang disokong oleh permintaan domestik yang kukuh khususnya perbelanjaan sektor swasta. Dalam persekitaran serta prospek yang sedemikian, KDNK Negeri Perak juga diunjurkan sederhana pada kadar **empat hingga lima peratus** pada tahun 2011.

14. Perkembangan terkini yang berlaku diperingkat global, khususnya di negara-negara yang sedang dilanda musibah dan ketidaktentuan ekonomi, tidak mustahil akan menempias ke negara



kita, lantas memberi kesan negatif kepada prospek pertumbuhan. Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan, sentiasa mengambil langkah-langkah waspada bagi melindungi rakyat dari sebarang kebarangkalian tempasan musibah ekonomi global. Komoditi-komoditi utama, sumber semula jadi, pengurusan berhemah serta kesediaan rakyat bekerja keras, adalah ramuan yang perlu digarap bagi meningkatkan ketahanan ekonomi daripada sebarang kemungkinan jangkitan musibah global.

### **Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)**

15. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) yang telah bermula pada tahun 2011 akan memasuki tahun kedua pelaksanaannya tahun depan. Sehingga 4 November 2011, sejumlah **2.66 bilion ringgit** melibatkan **202** projek telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Perak bagi tahun semasa 2011 dan 2012 (*First Rolling Plan*). Di samping itu, sebanyak **184** projek sambungan dari RMKe-9 dengan peruntukan sebanyak **1.73 bilion ringgit** diteruskan pelaksanaannya di bawah RMKe-10, menjadikan jumlah peruntukan secara kumulatif sebanyak **4.39 bilion ringgit** melibatkan **386** projek.

16. Bagi projek-projek RMKe-10 di bawah peruntukan Kerajaan Negeri pula, sejumlah **273 juta ringgit** diperuntukkan pada tahun 2011. Setakat 16 November 2011, komitmen pelaksanaan projek-projek tersebut telah mencapai kira-kira **sembilan puluh peratus**.

## **Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)**

17. Pembangunan NCER telah banyak membantu Negeri Perak dalam mempercepat pertumbuhan ekonomi dengan memberi fokus pembangunan kepada sektor teras, iaitu pertanian, perkilangan dan pelancongan. Dalam masa yang sama, ia juga membantu menangani ketidakseimbangan sosio-ekonomi masyarakat dan juga meningkatkan keupayaan modal insan. Bagi inisiatif RMKe-10, Rolling Plan Pertama tahun 2011 dan 2012, projek-projek NCER bagi Negeri Perak bernilai **25.79 juta ringgit**, termasuk Penyediaan Pelan Pembangunan Hutan Belum, projek pelancongan Pesisir Sayong di Kuala Kangsar dan Projek Naik Taraf Zoo Taiping. Dalam sektor pertanian pula, projek yang terlibat termasuk di antaranya penternakan kambing boer di Pondok Tanjung dan projek ternakan udang di Selingsing, ladang-ladang ternakan ayam di Sungai Siput Utara, pembangunan 200 ekar ladang tanaman pisang komersial di Batu Kurau, ladang lebah untuk menghasilkan 'royal jelly' dan fasiliti pembungkusan di Kamunting, Taiping. Selain dari itu, dalam sektor perkilangan pula termasuk pemprosesan makanan laut seperti udang beku, fillet ikan dilapisi tepung roti, ikan salai dan ikan kering yang ditempatkan di Kamunting, Taiping dan sebuah projek pengeringan, pemprosesan dan pembungkusan produk teh herba.

## **Perak Amanjaya**

18. Perak Amanjaya adalah merupakan sebuah pelan transformasi jangka panjang yang komprehensif meliputi tiga cabang transformasi iaitu transformasi sosial, transformasi ekonomi dan transformasi wilayah bertujuan untuk merencana dan memacu pembangunan negeri ke arah mengekalkan keamanan, kestabilan dan kesejahteraan Negeri Perak dan meligatkan penciptaan kejayaan-kejayaan baru kepada rakyat.

19. Melalui transformasi sosial, banyak pencapaian diperolehi dan program telah dilaksanakan. Program-program yang disusun melalui Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan (YBUDR) telah berjaya membangunkan kapasiti kumpulan sasar serta penambahbaikan taraf hidup mereka. Begitu juga dengan penubuhan Pusat Kerjaya Amanjaya (PeKA) yang membantu mencari, menyelaras, melatih dan memberi pengetahuan tambahan serta melengkapkan graduan dan pencari pekerjaan. Jumlah berdaftar di Portal Jobsperak.com setakat ini adalah melebihi 5,500 orang. Semenjak penganjuran Perak Amanjaya Job and Career Fair 2011 oleh PeKA, lebih 2,000 pencari pekerjaan telah berjaya ditempatkan di pelbagai sektor awam dan swasta. Satu lagi program di bawah Transformasi Sosial iaitu Majlis Masyarakat Sivil (MMS) yang keanggotaannya terdiri daripada organisasi bukan kerajaan (NGO) merupakan “paksi ketiga” yang mampu menjadi agen pembangunan. Sehingga kini beberapa siri konvensyen dan bengkel MMS telah dilaksanakan dan mereka secara aktif telah menyumbang

input serta menjadi wakil kepada suara NGO lain untuk di bawa ke peringkat Kerajaan Negeri melalui ahli-ahli majlis yang telah dilantik. Selain daripada itu, Program Wacana IDR Talk turut diadakan dengan menampilkan tokoh-tokoh dan pakar-pakar dari pelbagai bidang ekonomi, sejarah, seni dan budaya yang bertujuan meningkatkan dan memberikan input-input baru kepada orang ramai dan kerajaan. Bagi tahun ini **tujuh** siri wacana IDR telah dianjurkan melibatkan lebih dari **4,000** penyertaan.

20. Melalui transformasi kerajaan, kita telah memperkenalkan Program "**Strategi Lautan Biru**" (dengan izin *Blue Ocean Strategy* atau B.O.S.), bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanaan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Satu lagi program di bawah Transformasi Kerajaan ialah Transformasi Diri. Lebih 15 program melibatkan lebih 1,000 peserta dari kumpulan sokongan perkhidmatan awam, guru-guru dan pegawai kerajaan telah diadakan sepanjang tahun melibatkan pakar-pakar motivasi terkenal.

21. Melalui Transformasi Ekonomi Perak Amanjaya pula, Kerajaan Negeri melalui IDR telah memperkenalkan Pelan Strategik Pertanian Makanan (Agrifood), sebagai usaha jaminan keselamatan makanan yang sedang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC). Manakala dalam sektor pelancongan, satu pelan strategik yang merangkumi pelbagai program pelancongan telah diperkenalkan, termasuk Pelan Pelancongan Bersepadu Belum Temenggor dengan usahasama NCIA.

22. Bagi transformasi Wilayah pula pendekatan berasaskan Model 3D Bank Dunia (iaitu *Distance, Division dan Density*) akan memberi tumpuan kepada **lima** zon utama iaitu Lembah Beriah, Lembah Kinta, Hulu Perak, Ulu Bernam dan Manjung, termasuklah **dua** koridor infrastruktur iaitu Lembangan Sungai Perak dan Jajaran Landasan Keretapi turut diketengahkan oleh IDR.

## **TEMA BAJET 2012**

**23. Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan.** Itulah prinsip serta semangat yang menjadi tunggak dalam penyediaan Bajet Negeri Perak 2012 ini, lantas bertemakan:

### **Bajet Amanjaya:**

#### **Mensejahterakan Rakyat Dan Memakmurkan Negeri**

24. Menyedari bahawa perubahan yang dinamik serta progresif adalah suatu tuntutan ke arah kemajuan, maka kita tidak ada pilihan kecuali melakukan transformasi. Maka itu, Bajet Negeri Perak 2012 dirangka bagi menyegerakan proses transformasi berteraskan empat fokus utama yang saling melengkapi satu sama lain, iaitu:

**Pertama:** Meningkatkan ekonomi dan peluang pekerjaan;

**Kedua:** Memantapkan pembangunan modal insan;

**Ketiga:** Melengkapkan infrastruktur dan kemudahan awam;

**Keempat:** Mensejahterakan kehidupan rakyat.

## **FOKUS PERTAMA: MENINGKATKAN EKONOMI DAN PELUANG PEKERJAAN**

### **Usaha Menarik Pelaburan**

**25.** Kemajuan ekonomi memerlukan pelaburan, dan pelaburan pula memerlukan pensuasanaan yang kondusif bagi menjamin pulangan.

**26.** Kerajaan Negeri amat menyedari bahawa daya tarikan untuk menarik pelaburan ke negeri ini memerlukan pendekatan pelbagai dimensi. Justeru, di samping menyediakan infrastruktur dan kemudahan awam serta kelestarian industri, persekitaran yang aman damai, sosio-politik yang stabil, soal insentif juga boleh dijadikan daya tarikan.

**27.** Oleh itu, di samping usaha-usaha mempromosikan Perak sebagai negeri mesra pelabur dengan pelbagai kemudahan, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju mengambil pendirian dasar supaya

mempertimbangkan pengurangan bayaran premium tanah kepada para pelabur. Insentif ini akan dipertimbangkan mengikut merit berdasarkan lokasi, nilai pelaburan, bilangan peluang pekerjaan dan teknologi baru yang akan diguna pakai serta manfaat hiliran (spin-off) yang bakal diperolehi. Di samping itu, usaha menaik taraf dan kerja-kerja penyelenggaraan kawasan-kawasan perindustrian akan dilaksanakan dan pembiayaannya akan dipohon daripada Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

### **Peluang Perniagaan dan Pekerjaan**

28. Bagi melahirkan lebih ramai golongan belia menceburi bidang perniagaan, Kerajaan Negeri bersetuju mewujudkan satu program khusus, iaitu Program Mikro Kredit Amanjaya Belia Niaga untuk francais aksesori wanita, "*ice blended*", burger, sate dan ayam goreng. **Satu juta ringgit** diperuntukkan pada tahun 2012 bagi tujuan tersebut.

29. Untuk melahirkan lebih ramai usahawan menceburi pelbagai bidang perniagaan, Kerajaan Negeri bersetuju untuk membina lebih banyak gerai di kawasan lebih strategik yang berupaya menarik ramai pelanggan. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak **satu juta ringgit** untuk membangunkan Gerai 1Malaysia yang akan diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Gerai-

gerai tersebut juga boleh dimanfaatkan oleh peniaga-peniaga yang dilahirkan melalui skim pembangunan usahawan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP).

## **Sektor Pertanian**

30. Sektor pertanian di Negeri Perak dibangunkan selaras dengan usaha memodenkan lagi sektor ini, agar ianya menjadi lebih dinamik, progresif dan berdaya saing. Di samping itu, sektor ini akan menjadikan Negeri Perak sebagai salah sebuah negeri utama pengeluar makanan dan industri hiliran berasaskan pertanian di Malaysia. Ini akan membantu mengurangkan defisit imbalan perdagangan bahan makanan untuk negara. Bagi mencapai matlamat ini, sejumlah **10.89 juta ringgit** diperuntukkan pada tahun 2012 bagi melaksanakan pelbagai program dan projek pembangunan pertanian di negeri ini.

31. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **satu juta ringgit** diperuntukkan untuk Projek Pertanian Anak Angkat. Di bawah projek ini, belia-belia mahupun siswazah akan dihantar ke kawasan pertanian terpilih untuk diberi pendedahan, pengalaman, kemahiran dan mengusahakan projek pertanian ke arah melahirkan petani moden di negeri ini disamping meningkatkan pendapatan mereka. Projek Pertanian Anak Angkat ini akan diselaraskan oleh Perbadanan



Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) dengan kerjasama Jabatan Pertanian.

### **Sektor Penternakan**

32. Sektor ternakan di Negeri Perak telah banyak menyumbang ke arah kemajuan ekonomi negeri. Hasil keluaran dari sektor ini telah menjadikan Negeri Perak sebagai pengeksport utama ('net-exporter') ayam daging, itik, telur ayam dan telur itik, di samping menampung keperluan tempatan untuk daging lembu dan kambing.

33. Untuk meningkatkan lagi kemajuan sektor ini, Kerajaan Negeri dengan ini memperuntukkan **9.6 juta ringgit** pada tahun 2012. Peruntukan tersebut disasarkan untuk mentransformasikan sistem penternakan ke arah komersial serta jaminan kualiti produk yang dihasilkan, melalui penggunaan teknologi moden dan bioteknologi.

### **Sektor Pelancongan**

34. Sumbangan sektor pelancongan kepada pertumbuhan ekonomi negeri semakin ketara, justeru sektor ini perlu diberikan perhatian khususnya dari segi daya tarikan serta promosi supaya mampu menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini. Untuk itu, pada tahun

2012 Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak **lapan belas juta ringgit**.

35. Ini adalah untuk membiayai Program Tahun Melawat Negeri Perak 2012 di samping menjalankan kerja-kerja selenggaraan serta penambahbaikan kemudahan-kemudahan sedia ada di pusat-pusat pelancongan di negeri ini. Pengisian bagi Program Tahun Melawat Negeri Perak 2012 sedang disusun, termasuk mengadakan pelbagai aktiviti dan acara bertaraf antarabangsa yang kelak diharapkan dapat menarik sekitar **lima juta pelancong** ke Negeri Perak sepanjang tahun 2012. Sekiranya seorang pelancong berbelanja sebanyak **seribu ringgit**, ia akan memberi kesan positif kepada nilai tambah ekonomi sebanyak **lima bilion ringgit** yang akan dinikmati oleh rakyat negeri ini, khususnya para peniaga.

## **FOKUS KEDUA: MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

### **Pendidikan Di Peringkat Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi**

36. Perihal pentingnya pendidikan tidak boleh disangkal. Terbukti bahawa negara yang lemah dari segi pendidikan adalah juga negara

yang lemah dari segi kemajuan. Oleh itu, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat tentang pendidikan untuk rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

37. Bagi tahun 2012, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memperuntukkan **31 juta ringgit** untuk sektor pendidikan. Ia melibatkan penyediaan peralatan, kemudahan pembelajaran dan pelbagai jenis bantuan dan pinjaman pendidikan.

38. Penubuhan **Maahad Tahfiz** yang telah dimulakan pada tahun 2010 di Daerah Manjung telah terbukti memberi impak yang dihasratkan. Oleh itu, pada tahun 2012, Maahad Tahfiz akan diperluaskan pelaksanaannya di empat buah daerah lagi, iaitu di Kerian, Lenggong, Kuala Kangsar dan Batang Padang. Peruntukan yang disediakan untuk mengurus kelima-lima Maahad Tahfiz ini adalah sebanyak **empat juta ringgit**.

39. **Program Pemetaan Minda (Mind Mapping)** yang telah berjaya meningkatkan kecemerlangan dalam mata pelajaran sains dan matematik untuk pelajar-pelajar sekolah menengah, akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak **3.5 juta ringgit**.

40. Atas keprihatinan terhadap pendidikan anak-anak Orang Asli, maka Kerajaan Negeri bersetuju menaikkan peruntukan **Program Kecemerlangan Murid Orang Asli** kepada **500 ratus ribu ringgit**.

41. **Program Tuisyen Gemilang** yang dikendalikan oleh Yayasan Perak akan diteruskan lagi pada tahun 2012 dengan peruntukan sebanyak **satu juta ringgit**.

42. Dalam usaha untuk mengasah potensi pelajar-pelajar daripada kalangan keluarga luar bandar berpendapatan rendah, Kerajaan Negeri telah bersetuju menubuhkan dua buah **Asrama Amanjaya** di Taiping dan Ipoh dengan peruntukan sebanyak **tiga juta ringgit**. Asrama Amanjaya di Taiping telah mula beroperasi dan penempatan pelajar akan bermula bulan Januari 2012.

43. Sebagai mencerminkan keprihatinan pihak Kerajaan Negeri terhadap **Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina dan Mubaligh**, peruntukan sebanyak **dua juta ringgit** diteruskan tahun 2012 bagi membantu sekolah-sekolah tersebut.

44. **Bantuan perbelanjaan utiliti untuk Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil** juga diteruskan lagi pada tahun 2012 dengan peruntukan sebanyak **satu juta ringgit**.

45. Bagi mengurangkan jurang pendidikan di kalangan anak-anak kaum India, maka Kerajaan Negeri akan meneruskan pembiayaan **Tabung Khas untuk pendidikan anak-anak kaum India** dengan jumlah **satu juta ringgit**.

46. Menyedari keperluan lebih ramai anak-anak Perak memasuki Institusi-Institutusi Pengajian Tinggi, maka Kerajaan Negeri bersetuju untuk menambah Dana bagi **Derasiswa Pendidikan Negeri** kepada **sepuluh juta ringgit** berbanding **lapan juta ringgit** pada tahun 2011.

47. Peruntukan bagi caruman kepada **Kumpulan Wang Biasiswa Anak-Anak Melayu dan Bukan Melayu Negeri Perak** diteruskan lagi bagi tahun 2012 dengan jumlah sebanyak **lima juta ringgit**. Peruntukan ini bagi membantu pelajar-pelajar anak Perak yang belum mendapat sebarang tajaan atau pinjaman daripada mana-mana pihak.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

### **Perkhidmatan Awam**

48. Proses transformasi yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan sekarang ini memerlukan keberkesanan prestasi perkhidmatan awam untuk menjayakannya.

49. Untuk itu, Kerajaan Negeri telah memperkemaskan sistem pengurusan dan pentadbiran dengan menitik beratkan kepada aspek suasana persekitaran kerja yang kondusif, inovatif dan kreatif serta penyampaian perkhidmatan yang efisien dan berkualiti. Inisiatif inovasi yang sedang berjalan pada masa ini meliputi Key Performance Indicators (KPIs), Key Result Areas (KRAs) yang dibangunkan melalui Perak Amanjaya, PEMUDAH dan yang terbaru yang akan ditubuhkan iaitu PEMANDU, yang akan diletakkan di bawah Institut Darul Ridzuan. Inisiatif-inisiatif tersebut akan dapat menghasilkan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti untuk rakyat.

50. Selain itu, usaha mendokumentasikan semua proses kerja jabatan, melalui pelaksanaan MS-ISO 9001:2008 adalah sangat penting bagi menjamin kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan berada di tahap yang terbaik. Persekitaran kerja yang berkualiti juga amat penting di dalam sesebuah organisasi. Ini dapat dilihat dengan terlaksananya Konsep Amalan Persekitaran Berkualiti atau 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal) yang diamalkan di kebanyakan jabatan di bawah pentadbiran negeri.

51. Saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada beberapa jabatan yang telah berjaya dalam usaha-usaha meningkatkan produktiviti dan telah menerima pengiktirafan iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Manjung yang telah mendapat **Penarafan Empat Bintang**, Pejabat Kewangan Negeri dan Majlis Perbandaran Manjung

yang mendapat **Persijilan MS-ISO 9001:2008** serta Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran, beberapa buah Pejabat Daerah dan Tanah serta Pihak Berkuasa Tempatan yang telah berjaya mendapat **Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S**. Di samping itu, tahniah sekali lagi kepada Pejabat Kewangan Negeri atas kejayaan diberi **Penarafan 4 Bintang Indeks Akauntabiliti**. Penarafan yang berprestij ini merupakan kejayaan bagi tiga tahun berturut-turut daripada Ketua Audit Negara. Adalah diharapkan agar lebih banyak lagi jabatan yang mendapat pengiktirafan seperti ini pada masa hadapan. Kejayaan seperti ini memberi gambaran bahawa perkhidmatan awam di Negeri Perak berada di landasan yang betul serta kukuh dalam menuju kecemerlangan, untuk kebaikan kita bersama.

52. Untuk meningkatkan lagi kecemerlangan perkhidmatan awam di negeri ini, semua penjawat awam perlu memperlengkapkan diri bagi menghadapi sebarang cabaran. Ke arah itu, sebuah institut latihan yang baru serba lengkap dengan kemudahan perlu dibina bagi menggantikan Institut Latihan Pegawai Awam yang ada pada masa ini di Jalan Raja DiHilir, Ipoh. Institut yang baru ini juga akan turut digunakan untuk latihan kepimpinan, kenegaraan dan juga kursus pengupayaan golongan yang memerlukan. Sebagai permulaan, sebanyak **seratus ribu ringgit** disediakan pada tahun 2012 bagi melaksanakan kerja-kerja awalan.

53. Di samping itu, program baru akan diperkenalkan pada tahun 2012, iaitu Majlis Transformasi Agensi Perak atau ringkasnya MANTAP dengan peruntukan sebanyak **lima ratus ribu ringgit**. Melalui program ini, jentera kerajaan akan dimantapkan lagi dengan penggunaan teknik-teknik dan pendekatan *Strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy)*.

54. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia semasa pembentangan Bajet Persekutuan Tahun 2012, telah mengumumkan pelaksanaan Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) mulai tahun 2012. Pelaksanaan sistem saraan baru ini akan melibatkan pelarasan gaji dengan kenaikan antara **tujuh peratus hingga tiga belas peratus** dan kenaikan gaji tahunan antara **80 ringgit hingga 320 ringgit** mengikut gred. Bagi melaksanakan pelarasan tersebut, kerajaan negeri dengan ini memperuntukan **lapan belas juta ringgit** pada tahun 2012. Ini adalah testimoni keprihatinan pihak Kerajaan Barisan Nasional terhadap kebajikan warga perkhidmatan awam.

### **Pemberian Khas Untuk Bakal Pesara**

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

55. Bagi menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh anggota perkhidmatan awam, Kerajaan Negeri bersetuju memperkenalkan satu skim pemberian khas kepada anggota-anggota Kumpulan Sokongan



yang akan bersara mulai tahun 2012. Skim khas ini adalah dalam bentuk Sijil Amanah Saham Wawasan bernilai **tiga ribu ringgit**. Pemberian ini akan melibatkan anggota-anggota di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun. Sejumlah **dua juta ringgit** diperuntukkan pada tahun 2012 bagi tujuan tersebut.

56. Pemberian ini adalah bukti pengiktirafan kerajaan negeri terhadap sumbangan anggota perkhidmatan awam di sebalik adanya uru-ura pihak-pihak tertentu mahu mengurangkan bilangan penjawat awam.

### **FOKUS KETIGA: MELENGKAPKAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM**

57. Infrastruktur dan kemudahan awam adalah nadi kepada pembangunan. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak **65 juta ringgit** kepada Jabatan Kerja Raya. Dari jumlah tersebut, **31 juta ringgit** akan dibelanjakan untuk membina jalan dan jambatan baru, memperelok, melebar dan menaik taraf jalan dan jambatan sedia ada serta kerja-kerja rawatan kawasan kemalangan; manakala **34 juta ringgit** diperuntukkan untuk projek-projek bangunan.

58. Saya juga ingin mengumumkan penambahan peruntukan kepada **18 juta ringgit** untuk Jabatan Pengairan dan Saliran. Sebanyak **11.2 juta ringgit** daripadanya disediakan bagi rancangan tebatan banjir dan saliran bandar, **2.2 juta ringgit** bagi projek-projek pengurusan dan pemuliharaan sungai, **1.6 juta ringgit** bagi menaik taraf infrastruktur rancangan pengairan dan saliran, **dua juta ringgit** untuk projek pemuliharaan ban pantai dan struktur kawalan hakisan serta pelbagai kerja lain sebanyak satu juta ringgit. Di samping itu, **tiga juta ringgit** lagi diperuntukkan di bawah peruntukan mengurus untuk melaksanakan kerja-kerja kawalan hakisan pantai.

59. Pihak Berkuasa Tempatan juga memainkan peranan dalam melaksanakan pelbagai projek infrastruktur dan kemudahan awam dengan menggunakan peruntukan yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri. Pada tahun 2012, sejumlah **3.5 juta ringgit** diperuntukkan kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksanakan pelbagai projek termasuk pembangunan infrastruktur, perkhidmatan bandar, kemudahan awam dan kemudahan komersial.

60. Masalah pengangkutan awam yang dialami oleh rakyat di kawasan-kawasan tertentu khususnya di luar bandar perlu diberi perhatian. Bagi memenuhi keperluan tersebut, Kerajaan Negeri telah melancarkan perkhidmatan Bas Rakyat di Daerah Manjung pada bulan Julai 2011. Perkhidmatan Bas Rakyat ini akan diperluas ke lima daerah lagi, iaitu Daerah Larut Matang dan Selama, Kuala Kangsar, Kerian,

Hilir Perak dan Batang Padang. Bagi memenuhi tanggungjawab sosial kerajaan ini, sejumlah **lima juta ringgit** disediakan pada tahun 2012.

## **FOKUS KEEMPAT: MENSEJAHTERAKAN KEHIDUPAN RAKYAT**

### **Pembasmian Kemiskinan**

61. Kemiskinan merupakan satu fenomena yang tidak disukai oleh mana-mana golongan masyarakat. Namun fenomena ini tetap melanda warga dunia, sekalipun di negara-negara yang bertaraf maju. Cuma yang berbeza hanya tahap, corak dan pola serta ciri-cirinya. Negara kita tidak terkecuali, malah fenomena kemiskinan di negara ini merentasi sempadan kaum dan persempadanan daerah mahu pun negeri, tak kira di bandar atau pun di desa.

62. Untuk mengelak salah tafsir, atau sengaja disalahtafsirkan bagi tujuan tertentu, elok diperjelaskan di Dewan yang mulia ini tentang kaedah yang digunapakai dalam usaha membasmi kemiskinan. Pada 10 Januari 2010, berdasarkan data e-kasih terdapat seramai 1,898 bilangan miskin tegar di Negeri Perak. Angka tersebut telah 'dikunci' sebagai matlamat sasaran dalam tahun tersebut sebagai penanda aras terhadap keberkesanan usaha membasmi kemiskinan tegar. Sebaik sahaja bilangan angka 'kunci' itu dapat dibasmi, maka pihak Kerajaan

Negeri telah mengisytiharkan di Dewan yang mulia ini pada 30 November 2010 semasa Pembentangan Bajet 2011, bahawa Negeri Perak hampir mencapai matlamat sifar miskin tegar (***pada 30 Oktober 2010 bilangan miskin masih berbaki 60 sahaja***). Pada 21 Disember 2010, Kerajaan Negeri secara rasmi telah berjaya mensifarkan miskin tegar.

63. Dalam konteks ini, satu perkara yang tidak harus dilupakan ialah bahawa fenomena kemiskinan tidak pernah berhenti menghasilkan golongan baru ke dalam kategori kemiskinan, lantaran wujudnya golongan miskin jadi miskin tegar, golongan mudah miskin jatuh miskin dan juga mereka yang mengalami kemiskinan berulang.

64. Oleh yang demikian, dalam konteks Negeri Perak, berdasarkan data e-kasih pada 9 November 2011, terdapat **704** golongan miskin tegar dan **5,468** golongan miskin. Justeru, usaha menangani kemiskinan terus menjadi agenda utama pihak Kerajaan. Pelbagai usaha, sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung, telah, sedang dan akan terus dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri untuk mensifarkan miskin tegar dan mengurangkan bilangan keluarga miskin di negeri ini. Dan usaha ini dilaksanakan melalui pendekatan dari pelbagai dimensi.

65. Melihat kepada betapa pentingnya nasib rakyat yang tidak berkemampuan untuk memiliki atau membaik pulih rumah agar mereka dapat tinggal dengan lebih selesa, Kerajaan Negeri akan meneruskan Program Bantuan Rumah (PBR) pada tahun 2012 dengan peruntukan sebanyak **empat juta ringgit**.

66. Program Mikro Kredit telah berjaya mengubah kehidupan golongan kurang berkemampuan yang mempunyai iltizam untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menyediakan peruntukan sebanyak **empat juta ringgit** bagi menambah dana program ini. Dengan penambahan dana ini serta mekanisma kutipan bayaran balik yang teratur, lebih ramai lagi golongan yang dapat dibantu untuk menceburi bidang keusahawanan dan perniagaan.

67. Di samping itu, Kerajaan Negeri bersetuju menambah peruntukan sebanyak **satu juta ringgit** bagi Program Bantuan Barangan Makanan, iaitu dari **empat juta ringgit** kepada **lima juta ringgit** pada tahun 2012. Kerajaan Negeri menjangkakan seramai **lima ribu** keluarga yang tidak berkemampuan dapat dibantu setiap bulan melalui program ini.

68. Program Bantuan Wang Tunai Semasa Musim Perayaan diteruskan lagi pada tahun 2012 dengan peruntukan sebanyak **satu juta ringgit**. Program ini berupaya membantu golongan yang

memerlukan membuat persiapan serta menyambut sesuatu perayaan itu dalam suasana yang lebih ceria.

69. **Skim Tabaruk** juga diteruskan pada tahun 2012 dengan peruntukan sebanyak **empat juta ringgit**. Liputan kumpulan sasar ditambah dengan memasukkan peserta di kalangan imam, bilal dan siak selain golongan orang kurang upaya, ibu tunggal, Orang Asli dan warga emas.

70. Dengan pelbagai usaha dan program serta bantuan itu, Kerajaan Negeri optimis akan dapat mensifarkan bilangan miskin tegar sebanyak **704** itu menjelang hujung tahun 2012, dan dalam tempoh yang sama mengurangkan golongan miskin.

71. Walau bagaimana pun, kita tidak harus melupakan hakikat bahawa 'kincir kitaran' kemiskinan tidak berhenti menghasilkan golongan miskin yang baru terutama di kalangan golongan yang dikategorikan sebagai mudah miskin dan juga kemiskinan berulang. Menyedari hakikat ini, pihak Kerajaan telah melancarkan Program Transformasi Luar Bandar (RTP) supaya rakyat mempunyai daya tahan bagi mengelakkan dari terjerumus ke dalam kepompong kemiskinan.

72. Sebagai langkah untuk mengelakkan golongan mudah miskin terjerumus ke dalam himpitan kemiskinan, Bajet Negeri Perak bagi

tahun 2012 mengambil pendekatan mitigasi melalui pelbagai program dan bantuan, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Diantara program tersebut adalah seperti berikut.

### **Kluster Ekonomi Keluarga (Family Economic Cluster)**

73. Terdapat sebilangan unit keluarga yang bergantung hidup semata-mata atas pencarian seorang atau sepasang ketua keluarga, manakala anak-anak dalam keluarga itu tidak menyumbang kepada ekonomi keluarga, sekalipun terdapat anak-anak yang sudah dewasa. Dalam kes-kes seumpama ini, apabila ketua keluarga itu mengalami kepupusan tenaga akibat panjatan usia, atau pun musibah kesihatan, keluarga itu akan dengan tiba-tiba hilang sumber pendapatan dan jatuh miskin.

74. Sebagai contoh, majoriti peniaga Pasar Malam atau Pasar Tani adalah terdiri dari golongan berusia melepasi 50 tahun. Kebarangkalian untuk membesarkan perniagaan adalah tipis, malah lebih berkemungkinan mengalami kepupusan akibat faktor usia dan ketandusan tenaga. Begitu juga dengan sektor pertanian. Majoriti pesawah padi dalam kategori usaha sendiri (owner operator) berusia lebih 58 tahun, majoriti pekebun kecil owner operator berusia lebih 53 tahun. Begitu juga usahawan-usahawan kecil seperti kedai runcit dan sebagainya. Dalam masa yang sama, sebilangan usaha tersebut

mempunyai potensi untuk diperbesarkan, tetapi terkekang akibat usia dan kepupusan tenaga. Dan dalam masa yang sama, terdapat sebilangan anak-anak dari keluarga tersebut yang menganggur walaupun tergolong dalam kategori tenaga aktif.

75. Bagi kes-kes yang sedemikian, melalui Program Kluster Ekonomi Keluarga, bantuan berbentuk Mikro Kredit sehingga **tiga puluh ribu ringgit** akan diberikan kepada golongan keluarga yang memerlukan bagi tujuan pemeraksanaan kluster ekonomi keluarga, sama ada untuk golongan anak mewarisi usahaniaga ketua keluarga atau pun untuk mengembangkan lagi rangkaian usaha bagi meningkatkan lagi pendapatan isi keluarga.

76. Program Kluster Ekonomi Keluarga ini akan dikendalikan oleh Yayasan Bina Upaya dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri. Sebagai permulaan, sebanyak **satu juta ringgit** diperuntukkan.

### **Program Meringan Kos Sara Hidup**

77. Kerajaan Negeri amat perihatin dan bersimpati terhadap keresahan rakyat akibat kenaikan harga barang-barang keperluan. Untuk meringankan bebanan kos sara hidup rakyat, Kerajaan Negeri akan membuka rangkaian Kedai Rakyat 1 Malaysia yang menawarkan harga barang-barang keperluan asas pada harga yang lebih rendah. Persetujuan awal telah dicapai bagi membuka Kedai Rakyat 1 Malaysia



di **lima** lokasi termasuk Parit Buntar, Bagan Serai, Manjoi Ipoh, Teluk Intan dan Bidor. Kedai Rakyat 1 Malaysia yang pertama di Perak akan dimulakan pada akhir tahun 2011 ini.

78. Di samping itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah mengenal pasti **153** kedai di desa untuk ditransformasikan di bawah Projek Transformasi Kedai Runcit atau pun TUKAR. Setakat ini, Kementerian terbabit telah meluluskan **49** unit dan setiap unit akan diberikan pembiayaan kredit sebanyak **60 ribu ringgit** seunit, iaitu tiga puluh ribu ringgit untuk stok dan tiga puluh ribu ringgit lagi untuk penambahbaikan premis perniagaan. Bagi memperluaskan rangkaian kedai di bawah program TUKAR ini, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambah bilangan hingga **100** unit melalui pertambahan sebanyak **51** unit lagi. Kerajaan Negeri akan memberi sokongan pembiayaan kredit pada paras maksima **60 ribu ringgit** setiap unit mengikut kaedah yang sama, dan ianya akan dikendalikan di bawah Program Mikro Kredit dengan peruntukan sebanyak **3.06 juta ringgit**.

### **Perumahan Awam**

79. Rumah tempat berlindung adalah satu keperluan asas buat setiap keluarga. Menyedari hakikat ini, dan menyedari bahawa kos untuk memiliki sebuah rumah kian meningkat, Kerajaan Negeri akan

mewujudkan satu dana berbentuk 'Rolling Plan' berjangka tiga tahun sebanyak **enam puluh juta ringgit** di mana **sepuluh juta ringgit** diperuntukkan bagi Rolling Plan Tahun Pertama 2012, diberi nama Skim Perumahan Amanjaya. Satu tatacara yang terperinci mengenai kemudahan ini akan disediakan sebaik Bajet 2012 ini diluluskan.

80. Selain dari itu, di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang sedia ada, Kerajaan Negeri akan terus memperuntukkan sejumlah **lima juta ringgit** bagi projek sambungan PPR tersebut.

81. Pihak Kerajaan Negeri juga tidak melupakan jasa dan pengorbanan bekas tentera dan polis dalam mempertahankan Negara serta memelihara ketenteraman awam. Atas jasa dan pengorbanan mereka itu kita dapat menikmati suasana aman damai dan tenteram yang membolehkan Negara ini mengecap kemajuan seperti yang kita nikmati sekarang ini. Berpegang pada prinsip 'jasamu dikenang' Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan sebanyak **tujuh ribu lot** tanah tapak perumahan untuk bekas tentera dan polis dengan bayaran premium sebanyak **lima ratus ringgit** bagi satu lot. Perbincangan telah dibuat dengan Koperasi Angkatan Tentera dan Koperasi Polis bagi memajukan perumahan di tapak tersebut.

82. Bagi memenuhi keperluan golongan awam yang memerlukan tapak untuk rumah pertama mereka, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membuka **lima belas ribu lot** di seluruh negeri.

## Program Setinggalan Sifar

83. Penghijrahan warga luar bandar yang berpendapatan rendah ke bandar menyebabkan kemampuan memiliki rumah kediaman di kawasan perumahan terancang amat terbatas. Warga bandar yang berpendapatan rendah juga begitu. Keterbatasan kemampuan itu menjadikan mereka terdesak dan tiada pilihan melainkan memilih untuk tinggal di kawasan setinggalan sama ada di atas tanah kerajaan atau milik persendirian.

84. Bagi menangani masalah ini, Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran setinggalan sifar menjelang tahun 2012. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memastikan pencapaian tersebut termasuklah menempatkan setinggalan ke dalam Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) khas setinggalan, menempatkan semula setinggalan ke kawasan penempatan RPT baru yang berhampiran dengan kawasan asal mereka, menempatkan setinggalan di perumahan awam kos rendah, menempatkan setinggalan yang tidak berkemampuan atau tergolong dalam miskin tegar dan diberi bantuan di bawah Program Bantuan Rumah dan mengeluarkan Lesen Menduduki Sementara (LMS). Sehingga 24 Oktober 2011, seramai **9,994** setinggalan ataupun **69.98 peratus** daripada keseluruhan setinggalan yang didaftarkan seramai **14,282** telah berjaya diselesaikan, iaitu melalui pemberimilikan sebanyak **4,843** setinggalan (**33.91 peratus**) dan pengeluaran Lesen Menduduki Sementara (LMS) seramai **5,151** setinggalan (**36.07 peratus**). Kerajaan Negeri berkeyakinan bahawa sasaran

penyelesaian melebihi **70 peratus** akan dapat dicapai menjelang akhir tahun 2011.

85. Sejumlah **tiga juta ringgit** diperuntukkan bagi pelaksanaan projek infrastruktur bagi penempatan setinggan, manakala **satu juta ringgit** lagi untuk bayaran kerja-kerja ukur tapak Rancangan Penempatan Tersusun.

### **Kebajikan Rakyat**

86. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap keadaan pesakit-pesakit yang mempunyai peluang tipis untuk hidup. Bagi memastikan mereka berada di dalam keadaan yang lebih selesa dan menghadapi detik-detik terakhir kehidupan mereka dengan tenang, Kerajaan Negeri telah bersetuju memperuntukkan **satu juta ringgit** bagi membantu pembinaan Rumah Hospis (hospice).

87. Nasib kaum wanita yang dianiayai, diseksa, ternoda serta ditinggal/dibuang oleh suami dan keluarga serta kanak-kanak yang terbiar perlu diberi perhatian sewajarnya oleh Kerajaan Negeri. Untuk itu, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak **satu juta ringgit** bagi mewujudkan Rumah Perlindungan Wanita dan Kanak-kanak.

88. Masalah ketagihan dadah terus diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Sejumlah **satu juta ringgit** diperuntukkan bagi pembinaan Rumah Pengasih untuk menempatkan bekas penagih-penagih dadah menjalani rawatan serta asuhan yang betul dan terancang supaya mereka yang bermasalah itu akan kembali pulih dan sihat serta dapat diterima semula ke pangkuan masyarakat.

89. Pada setiap tahun Kerajaan Negeri menambah bantuan yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada golongan orang kurang upaya dan golongan yang tidak bernasib baik. Bagi tujuan tersebut, pada tahun 2012 Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan sebanyak **2.84 juta ringgit** bagi membolehkan kadar sesuatu bantuan dapat ditambah. Pertambahan jumlah peruntukan tersebut meningkat daripada **18 juta ringgit** kepada **20.84 juta ringgit**. Dengan pertambahan ini, Kerajaan Negeri berharap kadar minimum bantuan yang diterima pada masa ini sebanyak **70 ringgit** dapat dinaikkan kepada kadar minimum **150 ringgit**.

90. Kian pentingnya peranan NGO dalam masyarakat dan pembangunan sosio-ekonomi juga diambil berat oleh Kerajaan Negeri. Bagi membantu mereka menjalankan pelbagai kegiatan yang bermanfaat, Kerajaan Negeri akan meneruskan bantuan sebanyak **lima juta ringgit** pada tahun 2012.

91. Peruntukan sebanyak **dua juta ringgit** diteruskan untuk NGO wanita bagi membantu mereka menjalankan kegiatan khusus untuk kebajikan wanita.

92. Di samping itu, Kerajaan Negeri bersetuju mengurangkan sebanyak **50 peratus** kadar cukai pintu bagi premis yang digunakan sebagai pejabat pentadbiran NGO dan persatuan, tertakluk kepada hanya satu premis sahaja bagi sesebuah NGO atau persatuan. Dijangkakan hampir lima ribu NGO dan persatuan yang berdaftar akan menikmati kemudahan ini.

93. Bagi menyokong usaha-usaha memartabatkan seni dan kebudayaan di Negeri Perak, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sebanyak **500 ribu ringgit** untuk disumbangkan kepada Majlis-majlis Kebudayaan Negeri dan Daerah serta pelaksanaan aktiviti seni dan budaya pada tahun 2012.

94. Bagi masyarakat bukan Islam, peruntukan untuk Hal Ehwal Bukan Islam sebanyak **3.5 juta ringgit** disediakan pada tahun 2012 termasuk peruntukan untuk kaum Sikh sebanyak **500 ribu ringgit**.

95. Masyarakat Orang Asli juga diberikan peruntukan sebanyak **1.5 juta ringgit** pada tahun 2012 bagi melaksanakan pelbagai aktiviti mereka.

96. Projek pembinaan krematorium yang tertangguh pada tahun ini atas beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan akan diteruskan pada tahun 2012 dan dikhususkan untuk kaum India yang beragama Hindu di Buntong dan Taiping dengan peruntukan sebanyak **dua juta ringgit**.

97. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat tentang kesejahteraan peniaga-peniaga kecil seperti penjaja di pasar malam, bazar Ramadhan dan penjaja bergerak serta peniaga di pasar awam. Bagi meringankan bebanan hidup mereka, mulai tahun 2012 Kerajaan Negeri akan **memansuhkan** bayaran lesen penjaja dan **mengurangkan sebanyak 50 peratus** bayaran lesen peniaga di pasar awam.

98. Sebagai tanda penghargaan terhadap jasa pasukan RELA dalam mengawal keselamatan masyarakat, Kerajaan Negeri akan menyumbangkan peruntukan sebanyak **20 ribu ringgit** bagi setiap daerah untuk pasukan RELA di daerah berkenaan menjalankan program khidmat komuniti setempat dan juga kebajikan keluarga RELA.

99. Mengurangkan kadar jenayah dan memupuk perpaduan adalah tanggungjawab bersama antara pihak kerajaan dan rakyat. Di pihak rakyat, anggota Rukun Tetangga telah memainkan peranan penting. Sebagai menghargai sumbangan khidmat yang diberikan oleh Rukun Tetangga dalam mengawal keselamatan dan memupuk perpaduan di

kawasan-kawasan perumahan awam, peruntukan berjumlah **500 ribu ringgit** disediakan pada tahun 2012 untuk disumbangkan kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

100. Kebajikan untuk **Kelab-Kelab Guru** di semua sekolah dalam Negeri Perak juga tidak dilupakan. Untuk itu, peruntukan sebanyak **dua juta ringgit** disediakan untuk diagihkan kepada semua Kelab Guru di dalam Negeri Perak.

101. Kerajaan Negeri menyedari bahawa terdapat sebilangan warga berusia lanjut yang beragama Islam yang ingin mengisi hidup mereka dengan mendalami pengajian Islam. Selain dari itu, terdapat juga golongan yang mengalami ketiadaan tempat bergantung harap untuk mensejahterakan kehidupan mereka. Bagi mengisi keperluan tersebut dan juga untuk tidak mengabaikan kesejahteraan hidup warga dalam golongan ini, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sebanyak **800 ribu ringgit** untuk mewujudkan sistem pengajian 'pondok'. Untuk permulaan, pada tahun 2012, dua penempatan tersebut akan didirikan, setiap satu mengandungi dua puluh lima buah 'pondok'. Kemudahan ini akan diselaras dan dikendalikan oleh Jabatan Agama Islam Perak (JAIP).

102. Kerajaan Negeri juga prihatin terhadap pengurusan pusat jagaan anak yatim di Negeri Perak. Dari senarai sedia ada, pusat jagaan anak yatim yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, terdapat



sebanyak **26** buah pusat jagaan dengan **834** anak yatim. Kerajaan Negeri bersetuju menyediakan peruntukan melalui pemberian perkapita sebanyak **300 ringgit** bagi setiap anak yatim menjadikan peruntukan yang disediakan pada tahun 2012 untuk bantuan pengurusan pusat anak yatim tersebut sebanyak **250,200 ringgit**.

103. Pusat jagaan warga tua juga tidak dilupakan. Berdasarkan rekod di Jabatan Kebajikan Masyarakat, terdapat **tujuh** pusat jagaan warga tua di Negeri Perak dengan seramai **617** warga tua yang menghuni pusat-pusat tersebut. Untuk itu, Kerajaan Negeri bersetuju menyediakan peruntukan sebanyak **185,100 ringgit** bagi bantuan pengurusan pusat jagaan warga tua berdasarkan pemberian perkapita sebanyak **300 ringgit** setiap warga tua.

104. Selaras dengan dasar yang telah diluluskan oleh Majlis Tanah Negara yang membenarkan pemilik-pemilik tanah berstatus Pajak Negeri dan Mukim memperbaharui tempoh pajakan mereka tanpa mengira baki tempoh pajakan yang sedia ada, Kerajaan Negeri telah bersetuju melaksanakan polisi tersebut. Bagi membantu pemilik-pemilik tanah kategori bangunan kediaman sahaja termasuk di dalam skim perumahan, RPT dan Kampung-kampung Baru, Kerajaan Negeri dengan ini mengumumkan mereka akan diberi pengurangan premium ataupun diskaun sebanyak **80 peratus** daripada premium yang sepatutnya dibayar. Oleh itu, mereka hanya dikenakan premium sebanyak **20 peratus** atau tertakluk kepada bayaran minimum **400 ringgit**. Melalui kaedah ini, bayaran premium pembaharuan hak milik

Pajakan Negeri dan Pajak Mukim bagi tujuan kediaman akan diselaraskan dengan dasar pembaharuan hak milik pajakan tanah-tanah Kampung Baru.

105. Di samping itu, Kerajaan Negeri telah bersetuju meluluskan kawasan seluas **8,992 ekar** (atau **3,638.9 hektar**) kepada Sekolah-sekolah Persendirian Cina (SUWA), Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Sungkai dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Sungai Siput serta kepada Kolej Islam Darul Ridzuan seluas **5,500 ekar**. Tujuan kelulusan tanah ini bagi membolehkan institusi atau sekolah-sekolah tersebut menjana pendapatan bagi menampung sebahagian perbelanjaan pentadbiran dan operasi pada masa akan datang. Memandangkan kos membangunkan tanah-tanah tersebut bagi tujuan tanah ladang adalah tinggi, iaitu kira-kira **10 ribu ringgit seekar**, maka Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya premium dikenakan secara nominal iaitu **10 ringgit sehektar** sahaja (atau **empat ringgit seekar**). Dengan pengurangan premium ini, Kerajaan Negeri dijangka akan **kehilangan hasil** sebanyak **36.86 juta ringgit**.

106. Beberapa insentif dan kemudahan lain yang diumumkan semasa pembentangan Bajet Tahun 2010 dan Bajet Tahun 2011 yang diteruskan, termasuklah:

- i. Peruntukan bagi Program Pengupayaan Generasi Muda sebanyak **dua juta ringgit**;

- ii. Peruntukan bagi Program Pengupayaan Mahasiswa sebanyak **satu juta ringgit**;
- iii. Bayaran elaun tambahan sebanyak **dua ratus ringgit** sebulan beserta elaun khas sebanyak **lima puluh ringgit** sebulan kepada Ketua Kampung;
- iv. **Anugerah menunaikan fardu haji** kepada Ketua Kampung berdasarkan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN);
- v. Bayaran elaun tambahan sebanyak **seratus lima puluh ringgit** sebulan kepada Ketua Kampung Kampung Baru;
- vi. Pemberian peruntukan tahunan sebanyak **tiga ribu ringgit** kepada setiap Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampong (JKKK);
- vii. Bayaran elaun tambahan kepada Guru-guru KAFA sebanyak **dua ratus ringgit** sebulan;
- viii. Bayaran elaun bulanan sebanyak **dua ratus ringgit** kepada bilal dan siak; dan
- ix. Pemberian subsidi bekalan air sebanyak **dua puluh meter padu** kepada rakyat miskin yang layak menerimanya.

- x. Sumbangan sebanyak **seratus ribu ringgit** kepada Persatuan Bekas Tentera Malaysia Bahagian Perak;
- xi. Sumbangan sebanyak **seratus ribu ringgit** kepada Persatuan Bekas Polis Malaysia Negeri Perak; dan
- xii. Sumbangan sebanyak **seratus ribu ringgit** lagi kepada Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia Bahagian Negeri Perak .

## **BAJET TAHUN 2012**

107. Penyata-penyata Bajet Tahun 2012 sebagaimana terkandung di dalam Kertas Dewan Bilangan 26 Palang 2011 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini mengandungi empat perkara berikut:

**Pertama:** Anggaran Hasil dan Terimaan Pembangunan berjumlah **865.12 juta ringgit**;

**Kedua:** Anggaran Perbelanjaan Mengurus di bawah Maksud Tanggungan dan Bekalan berjumlah **594.26 juta ringgit**;

**Ketiga:** Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah **321 juta ringgit**; dan

**Keempat:** Defisit berjumlah **50.14** juta ringgit.

## **ANGGARAN HASIL DAN TERIMAAN PEMBANGUNAN 2012**

108. Hasil dan Terimaan Pembangunan tahun 2012 yang dianggarkan sebanyak **865.12 juta ringgit** yang terdiri dari Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak **817.12 juta** ringgit dan Terimaan Pembangunan sebanyak **48 juta ringgit**. Anggaran ini dibuat setelah mengambil kira kemampuan dan kesungguhan pelaksanaan pungutan sumber hasil negeri.

109. Buat pertama kali, hasil yang bakal diterima nanti akan dibuat pengasingan dengan hasil yang tidak menepati prinsip syariah. Bagi tujuan tersebut, satu akaun khusus akan dibuka di bank bertujuan untuk kemasukan hasil yang tidak menepati prinsip syariah ini. Walau bagaimanapun, akaun ini tetap menjadi sebahagian daripada Akaun Hasil Disatukan dan akan digunakan untuk tujuan membiayai projek pembangunan. Beberapa jenis hasil yang dikenal pasti yang boleh dikategorikan dalam kumpulan hasil tersebut adalah cukai hiburan yang melibatkan cukai tiket pawagam, kelab malam dan lumba kuda, lesen dan bayaran pendaftaran meliputi lesen kedai tuak, panggung wayang, snuker dan permit hiburan, jualan tuak dan beberapa keuntungan yang diterima melalui pembiayaan pinjaman dan pelaburan secara konvensional. Anggarannya sekitar **16 juta ringgit**.

## **PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2012**

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

110. Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2012 dicadangkan sebanyak **594.26 juta ringgit**, iaitu peningkatan sebanyak **4.93 juta ringgit** atau **0.84 peratus** berbanding **589.33 juta ringgit** pada tahun 2011. Perinciannya adalah seperti berikut:

**Pertama:** Emolumen berjumlah **261.22 juta ringgit**;

**Kedua:** Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah **211.43 juta ringgit**;

**Ketiga:** Aset berjumlah **9.85 juta ringgit**;

**Keempat:** Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah **109.57 juta ringgit**; dan

**Kelima:** Perbelanjaan Lain berjumlah **2.19 juta ringgit**.

## PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2012

111. Sejumlah **321 juta ringgit** dicadangkan bagi Perbelanjaan Pembangunan pada tahun 2012. Jumlah ini melihatkan peningkatan sebanyak **empat puluh lapan juta ringgit** ataupun **17.58 peratus** berbanding cadangan bagi tahun 2011, iaitu sebanyak **273 juta ringgit**.

112. Agihan peruntukan pembangunan adalah seperti berikut:

- P.01 - Jabatan Kerja Raya sebanyak **65 juta ringgit**;
- P.02 - Perkhidmatan Masyarakat dan Luar Bandar **73.48 juta ringgit**;
- P.03 - Jabatan Pengairan dan Saliran **18 juta ringgit**;
- P.04 - Jabatan Pertanian sebanyak **10.89 juta ringgit**;
- P.05 - Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri **29.88 juta ringgit**;
- P.06 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar **9.6 juta ringgit**;
- P.07 - Jabatan Perhutanan **7.1 juta ringgit**;
- P.08 - Jabatan Agama Islam **7.5 juta ringgit**;

P.09 - Jabatan Kehakiman Syariah **4.3 juta ringgit**; dan

P.10 - Pelbagai Projek **95.2 juta ringgit**.

### **Justifikasi dan Implikasi Kewangan**

113. Bajet 2012 ini melibatkan jumlah belanjawan sebanyak **915.26 juta ringgit** yang dibiayai oleh anggaran hasil dan terimaan pembangunan berjumlah **865.12 juta ringgit**, justeru menyebabkan defisit yang dianggarkan sebanyak **50.14 juta ringgit**.

114. Sukacita saya memaklumkan, kedudukan rezab Kerajaan Negeri sehingga 15 November 2011 mengikut nilai buku adalah sebanyak **758.7 juta ringgit**, manakala nilai pasaran sebanyak **848.55 juta ringgit**. Di samping itu, saya juga sukacita melaporkan di Dewan yang mulia ini bahawa jumlah hutang Kerajaan Negeri dari Kerajaan Persekutuan yang berjumlah **970.59 juta ringgit** akan berkurangan dengan ketara kepada hanya **78.66 juta ringgit** apabila perjanjian migrasi aset Lembaga Air Perak (LAP) dengan Syarikat Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dimeterai kelak, yang dijangka berlaku dalam masa terdekat.

115. Saya sedar bahawa Bajet 2012 mengalami defisit sebanyak **50.14 juta ringgit** dan saya yakin ini akan menjadi modal putar belit



pihak tertentu untuk mencelarukan pemikiran rakyat. Namun ingin saya tekankan di sini, bahawa sejarah pembentangan Bajet 2010 yang mengunjurkan defisit sebanyak **23.89 juta ringgit** telah diurus dengan cemerlang hingga menghasilkan lebihan (surplus).

116. Saya berasa bangga kerana Bajet 2012 memperuntukkan lebih **50 peratus** perbelanjaan pembangunan untuk mensejahterakan kehidupan rakyat yang sentiasa merupakan agenda utama kerajaan Barisan Nasional. Malah daripada segi kewangan negeri, jumlah defisit ini kurang **tujuh peratus** daripada rezab yang ada. Maka adalah berpatutan defisit sebanyak ini diunjurkan untuk memastikan kesinambungan agenda mensejahterakan kehidupan rakyat. Malahan defisit positif ini tidak dibiayai melalui pinjaman oleh kerajaan negeri.

117. Dengan itu, janganlah ada yang ternganga, tersengeh dan "menyerongen" untuk menjaja cerita kononnya negeri ini sudah mufliis.

### **Penghargaan dan Terima Kasih**

118. Saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan berbilang terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas segala bantuan yang diberikan kepada Negeri Perak. Selain dari pelbagai peruntukkan yang

diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Program Transformasi Ekonomi (ETP), melalui program di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Program Transformasi Desa (RTP) dan pelbagai lagi yang bernilai berbillion-billion ringgit, saya juga rasa terpanggil untuk menyebarkan maklumat bahawa Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak **390 juta ringgit** untuk Program Tebatan Banjir di Perak dan juga **300 juta ringgit** untuk menaik taraf Hospital Besar Ipoh. Selain dari itu, atas jasa baik dan budi bicara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini telah meluluskan beberapa projek melibatkan peruntukan sebanyak **17.4 juta ringgit** untuk Negeri Perak.

119. Elok juga saya nyatakan bahawa segala peruntukan dari Kerajaan Persekutuan, dan segala nikmat kesejahteraan rakyat yang terjana daripadanya adalah berkat hubungan baik serta kondusif yang sentiasa diamalkan di antara Kerajaan Negeri yang diterajui Barisan Nasional dan juga Kerajaan Persekutuan yang juga di terajui oleh Barisan Nasional. Sama-samalah kita berusaha dan berdoa semoga rangkaian kerjasama seumpama ini akan berkekalan buat selamanya, demi rakyat dan negara.

## PENUTUP

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

120. Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama serta bertungkus lumus untuk menyediakan Bajet 2012 ini.

121. Ini adalah hasil keserasian, keseragaman, kejituan dan kesatuan pendekatan mendahulukan rakyat yang menjadi pasak kerajaan Barisan Nasional Negeri Perak dengan Kerajaan Persekutuan. Inilah keuntungan yang diperolehi, apabila kerajaan negeri dan Persekutuan adalah kerajaan daripada parti yang sama, yang hayunan langkahnya sekata dan tumpuan kepada rakyat sentiasa menjadi agenda utama.

122. Kepada rakyat negeri Perak, bajet yang disajikan hari ini adalah manifestasi suara, nadi dan hati anda sekalian, bajet yang merentasi kaum. Melalui pendekatan 3P, kita turun **PADANG** mendekati rakyat, kita menyelami **PERASAAN** rakyat dan kita mencari **PENYELESAIAN** masalah rakyat.

123. Ini **bukan** bajet omong kosong, ini **bukan** bajet angan-angan, **juga bukan** bajet yang menjanjikan bulan dan bintang (**bukan bajet buku ungu, buku coklat ataupun buku jingga**). Ini adalah bajet aspirasi rakyat, perkongsian emosi kita dan rakyat, inilah **BAJET KITA BERSAMA**.

124. Marilah kita bersama-sama menjayakan bajet ini. Janganlah ada di antara kita ibarat gunting dalam lipatan, api dalam sekam hingga meleraikan kemurnian bajet ini. Janganlah ada di antara kita yang umpama cacing naik ke mata. Marilah kita bersama-sama menghayati pesan yang dinukilkan oleh seorang ilmuan Islam Yahya bin Mua'dz :aynatak , رحمه الله

***"Jika kamu tidak mampu memberinya manfaat, maka janganlah kamu memberinya bahaya. Jika kamu tidak mampu memberinya bahagia, maka janganlah kamu memberinya gundah gulana; Dan jika kamu tidak mampu memujinya, maka janganlah pula kamu mencelanya."***

125. Kepada Allah saya menadah kedua-dua telapak tangan memohon dan berdoa, kepada Allah saya berserah, semoga diberkati jua Bajet Negeri Perak 2012 untuk sekalian rakyat jelata; mudah-mudahan bercurahan kemakmuran, dilimpahkan amanjaya untuk Negeri Perak tercinta ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Saya mohon mencadangkan.

Sekian,

Wabillahitaufiq Walhidayah, Wasalamulaikum Warahmatullahi  
Wabarokatuh.